

UCAPAN PERDANA MENTERI SEMASA MENJAWAB TEGURAN-TEGURAN OLEH AHLI-AHLI YANG BERHORMAT DI ATAS TITAH DI RAJA DI DEWAN RAKYAT PADA 22<sup>HB</sup> APRIL, 1974

Tuan Yang Dipertua.

Saya ingin menyatakan penghargaan dan terimakasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong ucapan terimakasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berhubung dengan titah ucapan di raja dalam Dewan yang mulia ini dan juga atas syor-syor mereka yang membina mengenai pelaksanaan dasar serta pentadbiran Kerajaan.

Dalam menjawab pandangan-pandangan yang didatangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mohon izin bercakap dalam Bahasa Inggeris apabila dirasakan perlu.

Tuan Yang Dipertua.

Saya bercadang hendak menjawab teguran-teguran di atas perkara-perkara yang di bawah tanggungjawab saya sebagai Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan juga Menteri Kewangan. Perkara-perkara lain akan dijawab oleh Menteri-menteri yang bertanggungjawab. Berkenaan masalah inflasi iaitu masalah yang penting yang sedang kita hadapi pada hari ini, Timbalan Perdana Menteri akan menerangkan perkara ini dengan panjang lebar pada hari besok. Begitu juga pada hari besok, saya akan membuat statement terhadap langkah-langkah lanjut yang Kerajaan bercadang hendak ambil untuk mengatasi masalah inflasi.

Tuan Yang Dipertua.

Pertama sekali, saya suka ucapkan terimakasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sandakan<sup>1</sup> atas ingatan baik beliau itu mengajak saya tinggal di Sandakan apabila saya bersara kelak. Adalah benar seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu bahawa Sandakan mempunyai daya penarik dan keindahan alam semula jadi di samping potentialnya sebagai pusat perdagangan dan perindustrian yang terkemuka di negara kita

---

<sup>1</sup> Y.B. Datuk Peter Lo Su Yin.

pada masa hadapan. Cerita-cerita berkenaan kemewahan dan kekayaan hartawan Sandakan memang diketahui umum hingga menimbulkan jolokan sebagai *legendary millionaires' town*.

Berkenaan dengan perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, sukalah saya menyatakan bahawa kerja-kerja sudahpun mula dijalankan untuk membina lapangan kapalterbang yang baru untuk Sandakan bagi menggantikan lapangan kapalterbang yang ada sekarang, di samping penambahan kemudahan serta pembaikan pelabuhan kapal. Mengenai mahkamah pula, saya sukacita memberitahu beliau iaitu peruntukan sebanyak \$410,000 telahpun dibuat bagi kerja-kerja membina serta memperbesarkan bangunan Mahkamah di Sandakan. Manakala kerja-kerja itu selesai kelak, saya percaya tidaklah lagi timbul masalah Hakim dan Magistrate bergilir-gilir menggunakan bangunan itu.

Begitu jugalah berkenaan dengan pandangan beliau itu mengenai gaji Hakim-hakim kita, sebenarnya Kerajaan telahpun menambahkan keistimewaan kepada mereka dengan memperuntukan rumah percuma mulai 1hb April, 1974. Kalau tiada rumah disediakan, mereka layak pula menerima elaun rumah sebanyak \$650 sebulan. Kemudahan baru ini pada hakikatnya menambah pendapatan Hakim-hakim kita itu dan saya fikir tidaklah mustahak Kerajaan menyemak tangga gaji mereka itu.

Mengenai cadangannya supaya Kerajaan menempatkan seorang "Resident Judge" di Sandakan, perkara ini bolehlah ditimbangkan apabila seorang Hakim baru dilantik kelak untuk bertugas di Sabah.

Ahli Yang Berhormat dari Miri-Subis<sup>2</sup> telah merayu supaya Pilihanraya Parlimen dan Pilihanraya Negeri di Sarawak diadakan serentak supaya tidak mendatangkan kesulitan kepada pengundi-pengundi di sana oleh kerana Sarawak negeri yang besar sedangkan kemudahan-kemudahan perhubungan sangat terbatas. Dalam hal ini saya percaya Suruhanjaya Pilihanraya sentiasa mengambil berat tentang kepentingan serta kemudahan-kemudahan bagi pengundi-pengundi supaya mereka tidak menghadapi kesulitan semasa menjalankan hak asasi mereka sebagai pengundi.

---

<sup>2</sup> Y.B. Datuk James Wong Kim Min.

Berkenaan dengan pandangan beliau mengenai ucapan-ucapan Ketua Menteri Sarawak<sup>3</sup> berhubung dengan Brunei, sebagaimana yang telah saya terangkan di Dewan ini beberapa hari yang lalu, Ketua Menteri Sarawak telah membuat kenyataan-kenyataan demikian oleh kerana perbuatan dan tutur kata yang dikeluarkan oleh Seri Begawan sendiri.

In the light of Seri Begawan's provocative statements against Malaysia and Sarawak over Radio Brunei casting aspersions on Malaysian leaders in an attempt to further his so-called claim on Limbang, it is only fair and proper that the Chief Minister of Sarawak to react spontaneously to demonstrate the feelings of the Government and the people of Sarawak. I would expect the Hon'ble Member from Miri-Subis to identify himself closely with the Government on an important matter such as this when our sovereignty and territorial integrity is being challenged particularly the integrity of his own house area.

Saya suka sekali lagi mengulangi harapan semoga Sri Begawan sendiri menjauhkan dari perbuatan atau percakapan yang hanya akan menambah sulit dan meruncingkan keadaan hari ini.

Tuan Yang Dipertua.

Ahli dari Bandar Melaka<sup>4</sup> banyak membuang masa Dewan yang mulia ini dengan menimbulkan tuduhan-tuduhan yang tidak berasas terhadap Kerajaan mengenai para tahanan dan keputusan pemeriksaan MCE baru-baru ini. Menteri-menteri yang berkenaan akan menjawab perkara ini. Namun Ahli itu, sebagaimana rakan-rakannya di sebelah sana dari Datuk Keramat,<sup>5</sup> sengaja tidak mahu faham mengenai langkah-langkah yang dijalankan oleh Kerajaan atas masalah inflasi dengan tujuan supaya rakyat terutama mereka yang berpendapatan rendah tidak terlalu terhimpit oleh tekanan inflasi itu. Tektik yang dijalankan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak lain dari menangguk di air keruh dan hanya tahu memburuk-burukkan Kerajaan untuk berlagak sebagai pembela rakyat. Beliau hendak menunjukkan pandai dan bijaksananya dengan mengemukakan syor-syor yang mana sudahpun dijalankan oleh Kerajaan selama ini. Bahkan Kerajaan

---

<sup>3</sup> Y.B. Datuk Haji Abdul Rahman bin Yaakub.

<sup>4</sup> Y.B. Tuan Lim Kit Siang.

<sup>5</sup> Y.B. Tuan V. David.

telah berbuat lebih dari itu dan akan terus mencari langkah dan usaha supaya rakyat dapat menikmati kehidupan yang sempurna.

Ahli Yang Berhormat dari Batu<sup>6</sup> sekali lagi telah membangkitkan perkara pengambilan kakitangan ke dalam Perkhidmatan Awam yang katanya sangat memberatkan Bumiputra dari Bukan Bumiputra.

Dalam sidang yang lalu, saya telah menerangkan dengan panjang lebar serta memberi angka-angka pengambilan kakitangan ke dalam perkhidmatan awam yang jelas menunjukkan bahawa kedudukan pegawai-pegawai Kerajaan dalam Bahagian Satu masih jauh tidak seimbang terutama dalam bidang professional. Saya tidak bercadang hendak mengulangi memberi angka-angka yang telahpun diberi itu dan memadailah saya menyatakan bahawa dalam memberi peluang-peluang pekerjaan, Kerajaan sentiasa memberikan contoh yang baik dan janganlah Ahli dari Batu hendak memperkecilkan usaha yang dibuat oleh Kerajaan untuk menjamin keadilan kepada semua pihak.

Berkenaan dengan pengambilan kakitangan oleh Badan-badan Berkanun, saya berpuas hati bahawa badan-badan tersebut mempunyai kakitangan yang menggambarkan kedudukan berbagai kaum di negara ini. Malahan di beberapa Badan Berkanun seperti LLN, Keretapi Tanah Melayu, EPF, NISIR, MARDI, MIS, MISC, FIDA, RRI, MRDC dan beberapa badan lagi, kakitangan peringkat tinggi kebanyakannya terdiri dari pegawai-pegawai bukan Bumiputra terutamanya dalam bidang teknikal dan pengurusan. Hanya di peringkat pertengahan dan rendah terdapat lebih sedikit pegawai-pegawai Bumiputra. Sekalipun ada rancangan-rancangan untuk merapatkan jurang antara pegawai-pegawai dalam Badan-badan Berkanun dengan pengambilan pegawai-pegawai Bumiputra, namun bilangan pegawai-pegawai bukan Bumiputra tetap lebih besar daripada pegawai-pegawai Bumiputra.

Ahli Yang Berhormat patut sedar bahawa selama beberapa tahun yang kebelakangan ini, terdapat keadaan yang tidak seimbang dalam kedudukan kakitangan Kerajaan. Apa yang kita lakukan pada masa ini ialah dengan tujuan membaiki keadaan ini supaya pembahagian pekerjaan benar-benar mencerminkan keadaan penduduk di negara kita. Oleh yang demikian,

---

<sup>6</sup> Y.B. Dr Tan Chee Khoon.

Ahli Yang Berhormat sepatutnya hendaklah melihat kepada kedudukan keseluruhannya dan tidak terlalu membesar-besarkan apa yang dikatakan pengambilan yang tidak adil ke dalam jawatan Kerajaan dalam tahun-tahun yang dikatakannya itu.

Tuan Yang Dipertua.

I am somewhat dismayed at the attitude shown by the Member from Batu should continuously harps on this issue in making his specious plea for the non-Malays in Government service. In this, he is enjoined by his colleague the Member from Datuk Keramat whose words and utterances in this August chamber tantamounts to what I would consider as political villainy. The allegations he made, to say the least, can only be the product of a bigoted and perverted mind.

If I need to remind the Member concerned, it is this August house three years ago which approved by an overwhelming majority the second Malaysia Plan embodying the New Economic Policy. And only five months ago this House approved, also with an overwhelming majority, the Mid-Term Review of the Second Malaysia Plan. It is characteristic of the Member for Datuk Keramat to blind himself to such glaring facts which he persists with his perverted line of thinking that there is such thing as First Class and Second Class citizens in this country. The statistic of capital ownership and income distribution in the Mid-Term Review are there for everyone to see or unless the Member for Datuk Keramat himself cannot comprehend them.

With regard to the allegation that there is discrimination in promotion opportunities for non-Bumiputra officers, the Hon'ble Member's ignorance of fact or otherwise betrays his sinister motive. He need not have to go very far. In my own Department, namely the Economic Planning Unit, the General Planning Unit, the Public Service Department and also the Treasury, there are several non-Bumiputra officers who have reached their present posts by superseding many of their Bumiputra colleagues.

I need not reiterate the fact that a wide-gap still persists in the professional services between Bumiputra and non-Bumiputra officers. We all know that the position should be rectified but this should be done fairly and justly. It stands to the credit of our administrative and professional services that they are not easily

cajoled into believing the diatribes which the Hon'ble Member for Datuk Keramat saw fit to abuse this August House.

Mr Speaker, Sir.

It is interesting to note that while the Hon'ble Member from Datuk Kramat accused the Government of discriminating against the non-Bumiputras, at the same time, his colleague the Member from Batu was making an equally spirited accusation that the government was neglecting the Bumiputras. Now, who are we to believe? Surely both of them cannot be right and I can only suggest that as the leader of his Party, the Member from Batu should take action against his Party member for lack of discipline.

Tuan Yang Dipertua.

Dalam ucapannya yang sama juga, Ahli bagi Datuk Keramat telah menyentuh nama baik dan integrity serta cuba menjatuhkan darjat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Beliau turut menuduh Suruhanjaya itu mengemukakan soalan-soalan yang pada anggapan beliau stupid dan ridiculous. Saya suka mengingatkan Ahli Yang Berhormat itu perbuatan seperti iu bukan saja menyoal kebebasan Suruhanjaya itu bahkan juga membangkitkan soal perkauman. Patutlah difaham bahawa soalan-soalan yang dikatakan itu ialah untuk menguji pengetahuan am calun-calun yang ditemuduga itu setakat mana mereka mengambil berat tentang negara kita dan tahu hal ehwal Malaysia ini. Meskipun mereka ini rakyat Malaysia ada terdapat antara calun-calun itu yang tidak tahu siapakah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tetapi tahu siapa dia Chairman Mao! Bagaimanapun soalan-soalan ini bukanlah dijadikan asas utama dalam pengambilan pegawai-pegawai kita tetapi hanya sebagai tambahan kepada kelayakan, pengalaman, integrity dan dedikasi calun-calun itu.

Tuan Yang Dipertua.

Ahli dari Batu selanjutnya telah menyebut juga tentang "weightage" yang terlalu berat diberikan kepada kawasan-kawasan luar bandar. Patutlah difaham, Suruhanjaya Pilihanraya adalah juga badan yang bebas dan di dalam menentukan sempadan-sempadan kawasan pilihanraya yang baru itu mereka menitik-beratkan dan memberi utama supaya terdapat perwakilan yang adil—fair representation—menurut sistem demokrasi yang kita

junjung tinggi itu. Oleh yang demikian, bukan saja jumlah pengundi itu dijadikan asas tetapi juga luas kawasan pilihanraya adalah sama dititikberatkan. Maka sudah sewajarnya Suruhanjaya Pilihanraya menjeniskan kawasan-kawasan pilihanraya kepada empat golongan—classified into four categories iaitu (a) Kawasan Metropolis, (b) Bandaran Besar, (c) Bandaran Kecil dan (d) Luar Bandar. Dengan itu jelas ternampak pembahagian pengundi mengikut category di atas. Sebagai contoh golongan (a) Ipoh mempunyai 42,000 pengundi dan meliputi lapan batu persegi. Negeri-negeri lain, terutama negeri saya Pahang, Kelantan, Trengganu, Perak dan Kedah, kawasan-kawasan di mana kemudahan perhubungan dan pentadbiran yang jauh kurang sempurna patut diberi weightage jika dibanding dengan kawasan Bandarannya.

Tuan Yang Dipertua.

Ahli dari Kuala Selangor<sup>7</sup> telah menyebut tentang Pegawai-pegawai Perubatan yang meninggalkan perkhidmatan Kerajaan kerana mereka tidak mendapat layanan yang baik. Dalam hal ini tentulah tidak adil dibandingkan pendapatan Pegawai Perubatan dengan doktor-doktor swasta tanpa mempertimbangkan elaun serta kemudahan-kemudahan lain yang diberi kepada Pegawai-pegawai Perubatan. Untuk pengetahuan Ahli yang Berhormat itu gaji permulaan Pegawai-pegawai Perubatan ialah \$1,050 membawa kepada gaji maksima \$1,800. Baru-baru ini Kerajaan telah bersetuju mewujudkan satu tingkatan baru dalam tanggagaji \$1,500-\$1,900. Dari situ mereka berpeluang naik ke pangkat superscale pula.

Selain dari itu, Kerajaan juga memberi elaun galakan atau incentive allowance iaitu Pegawai-pegawai Perubatan yang mendapat Diploma in Public Health ataupun Diploma in Industrial Health dibayar elaun galakan sebanyak \$350 sebulan bagi tingkatan biasa dan \$500 bagi tingkatan superscale. Elaun Pakar atau Specialist Allowance juga dibayar antara \$400 hingga \$1,200 sebulan bergantung pada tingkatan pegawai yang berkenaan.

Pegawai-pegawai Perubatan kita juga mendapat peluang yang luas untuk membuat post-graduate courses samada di Malaysia ataupun di luar negeri. Jadi nyatalah pada hemat saya kebimbangan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidaklah begitu berat tetapi kalau Pegawai-pegawai kita ini masih hendak

---

<sup>7</sup> Y.B. Raja Nong Chik bin Raja Ishak.

meninggalkan perkhidmatan, itu adalah hak dan kebebasan mereka.

Akhir sekali, berkenaan dengan dakwaan yang ditimbulkan oleh Ahli dari Seremban Timur mengenai Pemandu-pemandu Ambulan dan Fire Brigade, perkara ini tidaklah benar kerana mereka itu telahpun mendapat perubahan gaji menurut perakuan Suruhanjaya Suffian. Berkenaan dengan pegawai-pegawai Felda, perkara ini sedang dalam pertimbangan menurut perakuan Suruhanjaya Harun yang baru saja megemukakan laporannya kepada Kerajaan.